



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Dasar Inklusif OKU

Universiti Malaysia Sabah



PUSAT
PENGURUSAN
ORANG KURANG UPAYA

UMS KAMPUS RAHMAH
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

Transformation towards
UNIVERSITY
INDUSTRY **4.0**

KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif Polisi	2
3.0	Penggunaan Istilah	2
4.0	Jawatankuasa Pembangunan Universiti Inklusif (JPUI)	4
5.0	Pusat Pengurusan OKU (PPOKU)	4
6.0	Pegawai Perhubungan Ketidakupayaan (Disability Liaison Officer (DLO))	5
7.0	Kebertanggungjawaban terhadap Polisi dan isu-isu OKU	6
8.0	Langkah Pelaksanaan Polisi terhadap Pelajar OKU	6
8.2.1	Pendaftaran Pelajar OKU dengan PPOKU	6
8.2.2	Penyesuaian Pelajar OKU di Kampus	7
8.2.3	Penyediaan Kemudahan Kepada Pelajar OKU	7
8.2.4	Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar OKU	7
8.2.5	Keperluan Sewaktu Peperiksaan	7
8.2.6	Kaedah Penilaian	8
8.2.7	Perancangan Pembangunan	8
8.2.8	Perkembangan Pelajar OKU dan Penganjuran Aktiviti	8
8.2.9	Teknologi dan Alat Bantu	9
8.2.10	Penganugerahan dan Pensijilan	9
9.0	KeSELAMATAN OKU	9
10.0	Pengucapan Awam dan Penghebahan Media	9
11.0	Kajian tentang OKU	10
12.0	Pindaan dan Penambahan Perkara dalam Polisi	10

POLISI UNIVERSITI INKLUSIF

1.0 PENGENALAN

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah menjelaskan prosedur, peranan agensi dan pemantauan pelaksanaan dasar satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU).

Dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya bagi OKU dan merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang.

Selain daripada itu setiap tahun, jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) yang diterima masuk ke institusi - institusi pengajian tinggi dalam Malaysia semakin meningkat. Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut mengiktiraf hak dan keperluan OKU untuk melanjutkan pengajian mereka hingga ke peringkat tertinggi. Pihak universiti, sama ada daripada peringkat pengurusan tertinggi hingga kakitangan sokongan amat komited untuk memberikan OKU peluang yang setara dengan orang upaya.

Justeru, pihak UMS telah berusaha menyediakan persekitaran universiti yang mampu menyokong Pelajar dan kakitangan OKU untuk bergerak bebas dan berdikari dalam aspek sosial, emosi, dan persekitaran, agar golongan OKU tersebut dapat menjalani kehidupan yang terbaik sepanjang berada di alam kampus.

Penyediaan keperluan meliputi kemudahan, peralatan, dan perkhidmatan untuk OKU bukan lagi satu pilihan atau berasaskan kebajikan (*charity base*), tetapi hal ini merupakan hak mereka yang perlu dipenuhi dan dijaga, seperti yang telah dinikmati pelajar-pelajar upaya dan kakitangan biasa. Usaha ini juga bukan sekadar kerja kebajikan (*charity work*) atau tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility (CSR)*) yang hanya dilakukan apabila institusi memiliki lebihan dana atau kelapangan tenaga kerja.

Perkara ini adalah selaras dengan Akta OKU 2008 dan *United Nation Convention on The Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD)* yang menuntut semua institusi pendidikan di negara ini untuk memberikan peluang yang sama rata kepada OKU dan menyediakan kemudahan yang boleh dicapai OKU sepenuhnya.

Selaras dengan kemajuan yang dialami negara dan hasrat UMS untuk menjadi Universiti Inklusif OKU, berserta tuntutan Akta OKU 2008 dan UNCRPD, maka, pihak UMS telah menggubal satu polisi khas berkaitan pelajar dan kakitangan OKU.

Polisi yang dinamakan **POLISI UNIVERSITI INKLUSIF** ini diharap dapat menjamin hak dan keperluan Pelajar dan kakitangan OKU serta mengukuhkan taraf pendidikan negara, selain turut menaikkan nama UMS ke persada dunia.

2.0 OBJEKTIF POLISI

Objektif polisi ini adalah untuk:

- i. Memenuhi dan menjaga hak pelajar dan kakitangan OKU untuk mendapatkan akses penuh kepada sistem pembelajaran dan kehidupan kampus.
- ii. Memperkasakan daya saing Pelajar dan kakitangan OKU secara holistik.
- iii. Menyelaras pengurusan Pelajar dan kakitangan OKU di semua peringkat pentadbiran dalam universiti.
- iv. Meningkatkan kesedaran mengenai hak OKU kepada semua warga kampus.

3.0 PENGGUNAAN ISTILAH

- 3.1 Penggunaan istilah membawa maksud atau merujuk kepada maksud yang dinyatakan berikut:

“Jabatan” merujuk kepada Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut, Bahagian, Unit dan/atau apa-apa nama yang diwujudkan Universiti Malaysia Sabah.

Jawatankuasa Pembangunan Universiti Inklusif, atau singkatannya JPUI, merupakan jawatankuasa induk dalam struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan kakitangan OKU di UMS.

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang dilantik atau mengetuai sesuatu JFPiB mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Orang Kurang Upaya (OKU)” merujuk kepada istilah didalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai

halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

“Penyesuaian munasabah” bermaksud pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa mengenakan bebanan yang tidak seimbang atau tidak wajar, sekiranya diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan OKU menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya; dan

“Pelajar OKU” merujuk kepada semua pelajar berdaftar di Universiti Malaysia Sabah di setiap peringkat pengajian yang memiliki kekurangan atau kecacatan dari segi fizikal, sensor, mental dan intelektual yang mana telah disahkan sebagai OKU dan memiliki Kad Pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Istilah ini turut terpakai kepada pelajar antarabangsa yang telah disahkan pegawai perubatan sebagai OKU.

Pusat Pengurusan OKU atau PPOKU ialah Pusat yang mengendalikan dan melaksana perancangan yang telah dibuat oleh pihak UMS, di samping berfungsi sebagai pusat rujukan dalam hal- hal berkaitan Pelajar OKU di Universiti ini.

Pegawai Perhubungan Ketidakupayaan atau Disability Liaison Officer (DLO) ialah kakitangan UMS yang dipilih oleh Jabatan masing-masing dan menerima surat tauliah daripada JPUI.

- 3.2 Penggunaan istilah-istilah lain seperti ketidakupayaan, aksesibiliti, dan penyesuaian munasabah (reasonable accommodation) adalah sama ertinya seperti yang termaktub dalam Akta OKU 2008 (Akta 685).

4.0 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN UNIVERSITI INKLUSIF (JPUI)

- 4.1 Jawatankuasa Pembangunan Universiti Inklusif (JPUI) merupakan sebuah jawatankuasa induk yang mengendalikan segala hal berkaitan Pelajar dan Kakitangan OKU. Ahli-ahli JPUI hendaklah terdiri daripada:

- i. Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah selaku Pengerusi JPUI
- ii. Timbalan Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMS selaku Timbalan Pengerusi JPUI.
- iii. Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
- iv. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

- v. Bendahari
- vi. Pendaftar
- vii. Pustakawan
- viii. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
- ix. Pengarah Pusat Pengurusan OKU selaku Setiausaha JPUI
- x. Yang Di-Pertua Persatuan Mahasiswa OKU Universiti Malaysia Sabah selaku perwakilan tetap pelajar di peringkat prasiswazah
- xi. Seorang perwakilan tetap pelajar OKU peringkat pascasiswazah yang dilantik oleh Naib Canselor.
- xii. Seorang perwakilan tetap dalam kalangan kakitangan OKU yang dilantik oleh JPUI
- xiii. JPUI boleh, dengan kelulusan Naib Canselor dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat JPUI.

4.2 Bagi maksud Perkara x di atas, tempoh pelantikan adalah seperti yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

5.0 PUSAT PENGURUSAN OKU (PPOKU)

5.1 Pusat Pengurusan OKU atau PPOKU bertanggungjawab secara langsung kepada JPUI. Fungsi-fungsi PPOKU adalah seperti berikut:

- i. Mengumpulkan dan memproses maklumat Pelajar dan kakitangan OKU.
- ii. Menjadi tempat rujukan utama berkaitan isu-isu Pelajar OKU dalam sebarang perkara, terutamanya yang melibatkan aspek akademik dan kemudahan.
- iii. Menjadi pengantara dalam program-program pembangunan dan penyelidikan yang melibatkan Pelajar dan kakitangan OKU.
- iv. Melatih dan mengkoordinasi fungsi Pegawai Perhubungan Ketidakupayaan (*Disability Liaison Officer*) yang dilantik dari setiap Jabatan.
- v. Merangka dan melaksanakan program-program pengupayaan, pembangunan, dan pemeraksanaan Pelajar dan kakitangan OKU di UMS.
- vi. Memproses semua permohonan dan aduan daripada Pelajar OKU.
- vii. Seorang pegawai khusus (tidak semestinya orang upaya) yang terlatih, yakni mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menguruskan hal-hal berkaitan OKU perlu dilantik sebagai Pengarah PPOKU.

6.0 PEGAWAI PERHUBUNGAN KETIDAKUPAYAAN (DISABILITY LIAISON OFFICER (DLO))

6.1 Pegawai Perhubungan Ketidakupayaan atau *Disability Liaison Officer* (DLO) ialah kakitangan UMS yang dipilih oleh Jabatan masing-masing dan menerima surat tauliah daripada JPUI.

6.2 Peranan dan tugas DLO adalah seperti yang berikut:

- i. Menjadi tempat rujukan kepada kakitangan dan pelajar di Jabatan masing-masing berkenaan Pelajar OKU.
- ii. Menjadi penghubung antara Jabatan dengan PPOKU dan sebaliknya dalam perkongsian maklumat berkenaan Pelajar OKU.
- iii. Membantu Pelajar OKU untuk mendaftar di Jabatan masing-masing
- iv. Mengesyorkan kaedah dan pendekatan yang terbaik tentang penyesuaian munasabah berdasarkan skop dan kemampuan Jabatan masing-masing.
- v. Menguruskan kemudahan dan perkhidmatan sokongan bagi Pelajar OKU di Jabatan masing-masing. Tempoh seseorang individu memegang jawatan sebagai DLO adalah selama mana individu itu dipilih oleh Jabatan. Pihak JPUI akan menghantar surat pembaharuan pelantikan sekali setiap satu (1) tahun.

7.0 KEBERTANGGUNGJAWABAN TERHADAP POLISI DAN ISU-ISU OKU

7.1 Kebertanggungjawaban terhadap Polisi Universiti Inklusif dan isu-isu berkaitan OKU di dalam UMS adalah seperti berikut:

- i. Semua Jabatan di UMS perlu sentiasa bersedia untuk memenuhi segala objektif dan perkara yang terdapat dalam polisi ini dan apa yang diputuskan oleh JPUI.
- ii. Semua Jabatan yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan sistem pengajaran dan pembelajaran pelajar di UMS hendaklah berkongsi tanggungjawab yang sama untuk memenuhi hak dan keperluan serta menyediakan perkhidmatan sokongan bagi Pelajar dan kakitangan OKU seperti yang telah termaktub dalam polisi ini.
- iii. Semua Jabatan haruslah bekerjasama dalam memenuhi kesemua objektif dan perkara yang telah termaktub dalam polisi ini mengikut fungsi yang dipertanggungjawabkan.
- iv. Semua pelajar dan kakitangan berkongsi tanggungjawab yang sama untuk memastikan UMS menjadi sebuah universiti yang inklusif. Setiap pelajar dan kakitangan juga mestilah menggunakan kaedah dan saluran yang betul

untuk mengutarakan isu-isu berkaitan Pelajar OKU atau persekitaran Universiti inklusif.

8.0 LANGKAH PELAKSANAAN POLISI TERHADAP PELAJAR OKU

8.1 Pelaksanaan Polisi Universiti Inklusif terhadap seseorang OKU yang menjadi pelajar di UMS, bermula daripada pengambilan Pelajar OKU tersebut sehinggalah pengajiannya tamat.

8.2 Langkah-langkah yang terangkum dalam pelaksanaan ini adalah seperti yang berikut:

8.2.1 Pendaftaran Pelajar OKU dengan PPOKU

Semua Pelajar OKU perlu berdaftar dengan PPOKU supaya hak dan keperluan mereka dapat diurus dan diselia secara lancar dan berkesan. Jika perlu pelajar OKU harus mengemukakan laporan kesihatan, penilaian jenis dan darjah kecacatan, serta tahap ketidakupayaan yang dihadapi agar keperluan mereka dapat disediakan pihak yang terlibat.

8.2.2 Penyesuaian Pelajar OKU di Kampus

PPOKU bertanggungjawab dalam menyelaraskan sistem sokongan meliputi perkhidmatan dan peralatan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk membantu Pelajar OKU menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus.

8.2.3 Penyediaan Kemudahan Kepada Pelajar OKU

Semua Pelajar OKU di UMS berhak untuk mendapatkan kemudahan yang bersesuaian bagi menjalani kehidupan di kampus dengan baik dan setara dengan pelajar-pelajar lain. Penyediaan kemudahan untuk Pelajar OKU perlu berorientasikan kecacatan dan isu ketidakupayaan yang dihadapi oleh mereka. Pihak penyedia kemudahan perlu melakukan penyesuaian munasabah bagi memenuhi keperluan seseorang Pelajar OKU.

8.2.4 Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar OKU

Semua kakitangan akademik perlu memberi kerjasama dan sokongan semaksimum mungkin kepada Pelajar OKU semasa sesi pengajaran dan pembelajaran agar Pelajar OKU dapat turut serta sepenuhnya.

Hal ini meliputi penyediaan bahan-bahan alternatif yang boleh diakses (contohnya, format salinan lembut (soft copy) untuk Pelajar OKU penglihatan), kebenaran merakam syarahan kuliah/tutorial (untuk Pelajar OKU penglihatan), pemilihan dewan atau bilik kuliah yang boleh diakses (untuk Pelajar OKU berkerusi roda), dan lain-lain.

Pihak Jabatan boleh berunding dengan PPOKU dan pelajar yang terlibat untuk mendapatkan maklumat serta pendapat berkaitan dengan penyediaan sistem sokongan berkenaan.

8.2.5 Keperluan Sewaktu Peperiksaan

Bahagian Perkhidmatan Akademik dan juga Jabatan di mana pelajar OKU mendaftar kursus bagi program pengajiannya perlu menyediakan peralatan dan perkhidmatan yang sewajarnya kepada Pelajar OKU agar mereka dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan yang kondusif. Format peperiksaan dan kandungan kertas soalan, termasuklah gambar rajah, petikan tulisan, jadual dan lain-lain keperluan perlu disediakan dalam bentuk yang boleh diakses oleh Pelajar OKU berdasarkan keperluan dan permintaan yang bersesuaian dengan pelajar tersebut. Pelajar OKU berhak untuk mendapat masa tambahan ketika menduduki peperiksaan berdasarkan prosedur serta syarat-syarat yang telah ditetapkan pihak UMS.

8.2.6 Kaedah Penilaian

Pensyarah perlu menyediakan kaedah penilaian bersesuaian mengikut tahap ketidakupayaan pelajar OKU (masalah pembelajaran memerlukan soalan dalam bentuk grafik dan bukan dalam bentuk perkataan).

8.2.7 Perancangan Pembangunan

Universiti Malaysia Sabah akan berusaha dalam setiap perancangan pembangunan prasarana di dalam kampus berdasarkan konsep reka bentuk sejagat (*universal design*) sebagaimana yang termaktub dalam Akta OKU 2008. Semua bangunan dan kemudahan baru yang akan dibina perlu mematuhi standard MS1184, MS1331 dan MS2015. Bangunan sedia ada akan dinaiktaraf dengan mematuhi standard yang sama secara berperingkat.

8.2.8 Perkembangan Pelajar OKU dan Penganjuran Aktiviti

PPOKU harus mengawasi perkembangan setiap Pelajar OKU secara holistik dari segi akademik, sosial, emosi, dan kemahiran insaniah. PPOKU boleh mempertimbangkan mana-mana pendekatan dan kaedah yang terbaik untuk mencapai tujuan ini. Segala perancangan dan pelaksanaan aktiviti di Kampus pula haruslah bersifat universal dari segi pengisian dan penyampaian serta diadakan di lokasi yang boleh diakses dan menyediakan sistem sokongan yang sewajarnya. Aktiviti-aktiviti khusus untuk Pelajar OKU perlu mendapatkan saranan PPOKU agar objektif program dapat dicapai dan sesuai dengan golongan sasar.

8.2.9 Teknologi dan Alat Bantu

Sebarang teknologi dan alat bantu untuk kegunaan serta kemudahan Pelajar OKU boleh dipohon oleh Pelajar OKU itu sendiri atau mana-mana Jabatan yang berkenaan. Penyediaan dan pembelian teknologi serta alat bantu tersebut mestilah melalui PPOKU dan JPUI. Status hak milik alat bantu yang dipohon Pelajar OKU tertakluk kepada keputusan JPUI, manakala teknologi dan alat bantu yang dipohon Jabatan adalah hak milik UMS. Manfaat daripada teknologi dan alat bantu yang terdapat di mana-mana Jabatan haruslah dapat dinikmati bersama oleh semua Pelajar OKU.

8.2.10 Penganugerahan dan Pensijilan

Pelajar OKU tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapat satu-satu penganugerahan atau pensijilan yang di anugerahkan oleh Universiti Malaysia Sabah atas alasan kecacatannya.

9.0 KESELAMATAN OKU

- 9.1 Pelajar dan kakitangan OKU bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dirinya sendiri. Pada masa yang sama, semua Jabatan perlu memastikan persekitaran Jabatan yang selamat.
- 9.2 Semua Jabatan dikehendaki merangka dan menyediakan pelan laluan keselamatan dan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operation Procedure (SOP)*) dalam situasi yang berisiko, seperti kebakaran, kemalangan, dan bencana alam.

10.0 PENGUCAPAN AWAM DAN PENGHEBAHAN MEDIA

- 10.1 Segala mesej yang disampaikan menerusi pelbagai bentuk pengucapan awam dan penghebahan media tidak boleh mengandungi unsur-unsur diskriminasi atau segregasi terhadap golongan OKU, sama ada secara terang-terangan atau secara terselindung, yang boleh mengganggu-gugat pembinaan persekitaran dan imej Universiti inklusif. Selain itu, segala mesej untuk kepentingan warga kampus hendaklah turut boleh diakses oleh Pelajar dan kakitangan OKU dalam pelbagai format dan mengikut masa yang sama seperti yang diakses oleh pelajar dan kakitangan upaya.

11.0 KAJIAN TENTANG OKU

- 11.1 Para penyelidik yang ingin menjalankan kajian tentang OKU atau melibatkan Pelajar dan kakitangan OKU (sebagai responden atau sampel kajian) harus mendapatkan konsultasi daripada pihak PPOKU. Penyelidik-penyelidik perlu mematuhi setiap etika penyelidikan di samping menggunakan kaedah dan pendekatan yang disarankan dalam perundingan tersebut. Setiap penyelidik juga harus memberikan satu salinan hasil kajian mereka kepada PPOKU supaya maklumat tersebut dapat dimanfaatkan secara bersama.

12.0 PINDAAN DAN PENAMBAHAN PERKARA DALAM POLISI

- 12.1 Pindaan mana-mana perkara dalam polisi dan/atau penambahan sesuatu perkara ke dalam polisi ini hanya boleh dibuat setelah mendapat persetujuan Ahli-ahli JPUI. Segala pindaan dan/atau penambahan dalam polisi perlu dimaklumkan kepada semua pihak di dalam UMS, sama ada melalui medium cetakan atau elektronik.

RUJUKAN

1. Akta 685; Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008, Undang-undang Malaysia.
2. Pelaksanaan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 (PP 3/2008).
3. *United Nation Convention on The Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD)*, 2007. New York.

PENGHARGAAN

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Pengurusan Universiti Malaysia Sabah

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Sabah
Universiti Malaya

Disability Service Unit, Universiti Islam Antarabangsa

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM)

Malaysian Association for the Deaf (MFD)

Pertubuhan Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM)

Disability Liaison Officer, Universiti Malaysia Sabah

Bahagian Perundangan Universiti Malaysia Sabah

Semua Jabatan Universiti Malaysia Sabah

Pusat Pengurusan OKU Universiti Malaysia Sabah

Seksyen Kaunseling, Kerjaya & OKU Universiti Malaya

Pelajar Orang Kurang Upaya, Universiti Malaysia Sabah

Semua Individu Perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penghasilan Polisi Universiti Inklusif Universiti Malaysia Sabah ini.